

12/02/1997

Malaysia jadi tumpuan pelabur asing

MALAYSIA kini berada di antara senarai pilihan utama firma antarabangsa untuk membuat penyelidikan perniagaan bagi memahami dengan lebih dekat suasana pasaran dan peluang pelaburan di negara ini.

Pengarah Urusan Frank Small & Associates (M) Sdn Bhd (FSA), Iain Bell, berkata semakin ramai pihak berminat dengan Malaysia berikutan usaha kerajaan memberi penekanan terhadap teknologi maklumat (IT), pendidikan, sektor pengeluaran berteknologi tinggi serta pelancongan.

Menurutnya, keupayaan Malaysia mencatatkan pertumbuhan pesat ekonomi selama sembilan tahun berturut-turut, menyaksikan banyak syarikat mula memberi tumpuan lebih terperinci terhadap permintaan barangan pengguna sedia dan potensinya di negara ini serta bagaimana mereka dapat menjadi sebahagian daripada ledakan ekonomi itu.

"Malaysia kini berada di tangga atas dalam senarai pemilihan mereka," katanya merujuk kepada minat yang kian bertambah dalam pelaburan dan peluang perniagaan di negara ini.

Beliau berkata berdasarkan faktor itu, syarikat luar negara kini melabur dengan banyak dalam penyelidikan perniagaan dengan harapan dapat memahami suasana pasaran tempatan dengan lebih baik.

Menurutnya, FSA sebagai satu daripada perunding pemasaran dan penyelidikan di Malaysia, kini bersedia menghadapi pelbagai pertanyaan mengenai negara ini.

"Kami begitu sibuk melayan segala pertanyaan dan pelbagai tinjauan berkaitan sektor perniagaan yang tidak terkira banyaknya," tambahnya.

Bell berkata IT menimbulkan minat yang tinggi sejak kerajaan mengumumkan komitmennya terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) di Putrajaya.

Minat yang ditunjukkan itu terus berkembang, terutamanya selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini.

"IT adalah bidang yang pesat membangun dan begitu banyak penyelidikan dijalankan untuk industri ini. Banyak syarikat IT yang ingin mengetahui lebih lanjut bagaimana MSC dapat membantu mereka dan kebaikan menyertainya," katanya.

Bell yakin Malaysia berada pada kedudukan baik untuk menarik pelaburan luar kerana kos untuk menjalankan perniagaan di negara ini masih di tahap berdaya saing.

Selain bekalan buruh tempatan yang sedia ada dan mudah dilatih, kerajaan juga melonggarkan peraturan berhubung pengambilan tenaga mahir dari luar.

Menurutnya, ini meletakkan Malaysia di kedudukan lebih kukuh jika dilihat dari segi pelaburan berteknologi tinggi, yang pastinya mengikis kebimbangan berhubung pengambilan pekerja mahir dan profesional asing.

"Penekanan kerajaan terhadap pergantungan yang lebih terhadap industri automasi serta perubahan daripada industri berintensifkan buruh akan membuahkan hasil," katanya sambil menyatakan mengenai kekurangan tenaga mahir bagi sesetengah industri.

Bagaimanapun, pihaknya gembira kerana pihak berkuasa sudah mengenal pasti masalah berkenaan dan sedang berusaha mengatasinya melalui reformasi dalam sistem pendidikan.

Beliau mengaitkan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang sebagai langkah ke arah mencapai cita-cita berkenaan.

"Langkah ini bukan saja akan menghasilkan kemahiran yang diperlukan oleh Malaysia dalam menghadapi cabaran yang sukar, malah ia akan menarik

kemasukan lebih ramai pelajar luar negara yang seterusnya dapat membantu negara mencapai keuntungan melalui nilai tukaran mata wang asing," katanya.

Bell turut menekankan kepentingan sektor pelancongan yang tidak patut diabaikan kerana ia mempunyai potensi besar untuk mempertingkatkan sumbangannya kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) barangan tempatan.

Begitu banyak sumbangan yang boleh diberikan oleh Malaysia. Ia mempunyai kebudayaan, banyak tempat yang boleh dilawati, terutama bidang pelancongan ekologi yang begitu diminati sekarang, banyak pantai yang indah serta hotel bertaraf lima bintang yang baik.

"Kami turut menerima banyak pertanyaan mengenai perkara seumpama itu," katanya sambil menambah FSA akan terus mencari pendekatan baru dalam mengenal pasti arah aliran pasaran terkini.

(END)